



Munir (tiga, kiri) ketika meninjau persediaan nelayan hadapi tengkujuh di Tok Jembal.

## ***Komuniti nelayan digalakkan usaha perniagaan berkelompok***

**TOK JEMBAL** - Komuniti nelayan digalakkan untuk mengusahakan perniagaan secara berkelompok supaya dapat mempelbagaikan pendapatan.

Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia, Datuk Munir Mohd Nawi berkata, saranan itu dibuat bagi memastikan golongan nelayan tidak hanya bergantung kepada hasil laut semata-mata.

"Golongan nelayan perlu bijak mempelbagaikan sumber laut dengan menghasilkan produk yang bermutu

sebagai salah satu cara untuk menjana pendapatan.

"Kebanyakan nelayan tinggal di kawasan pesisir pantai dan banyak perniagaan yang dapat diusahakan jika kita kreatif.

"Perusahaan itu tidak semestinya hanya melibatkan makanan atau produk semata-mata, tetapi juga melalui aktiviti rekreasi," katanya ketika bertemu nelayan bagi meninjau persediaan musim tengkujuh, di sini.

Munir berkata, perusahaan secara berkelompok begi-

tu digalakkan supaya hasil yang dikeluarkan lebih besar, di samping memudahkan proses memohon bantuan daripada pelbagai agensi berkaitan.

"Kita sedia maklum bahawa sumber perikanan terutama bagi nelayan kecil semakin berkurang, jadi persediaan awal perlu dibuat agar dapat menambahkan lagi pendapatan," katanya.